

# PBT perlu bina lebih banyak pusat rekreasi

Oleh Mohd Zin Ali

BH 14 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah membangunkan lebih banyak kemudahan sosial untuk membolehkan golongan muda mengisi masa lapang dengan kegiatan berfaedah.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting, berkata ini selaras dengan keputusan Kabinet Rabu lalu yang mengekalkan pengharaman pusat permainan video yang banyak terabit dalam kegiatan perjudian haram.

Berikutan pengharaman pusat permainan video itu, beliau berkata, PBT perlu menyediakan kawasan rekreasi dan riadah seperti taman, gelanggang sukan, padang bola sepak dan bola jaring sebagai alternatif kepada golongan muda untuk mengisi masa lapang.

"Ketika ini, mereka banyak terdedah kepada gejala tidak sihat seperti budaya lepak, ponteng sekolah, menghabiskan masa di pusat snooker dan permainan video kerana tiada aktiviti yang boleh dilakukan di waktu lapang di kawasan masing-masing,"

## Remaja sering terdedah kepada gejala tidak sihat. Mereka perlukan alternatif untuk mengatasi perkara ini

katanya lagi.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Sumbangan Bagi Membantu Kadar (SBK) 2000 bernilai RM18.1 juta kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan) DBKL, Halijah Othman.

Ong berkata, kementerian akan cuba membantu menyediakan peruntukan dalam Rancangan Malaysia kelapan (RM-8) bagi membangunkan kemudahan sosial berkenaan.

Beliau berkata, kementerian juga akan mengadakan dialog bersama pemaju tidak lama lagi mengenai peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan ketika menjalankan projek perumahan.

Katanya, kerajaan sebelum ini mensyaratkan pemaju memperuntukkan sekurang-

kurangnya 10 peratus kawasan lapang untuk diagih bagi kemudahan sosial seperti taman, gelanggang sukan, dewan komuniti, balai raya, taman kanak-kanak, kawasan bomba, klinik dan sekolah.

"Dengan dialog yang akan saya sendiri sampaikan ini, diharap segala hasrat kerajaan akan dapat dijelaskan secara langsung kepada pemaju. Kita tidak mahu sebuah kawasan perumahan padat dengan penduduk tetapi tiada mempunyai kawasan lapang untuk pembangunan kemudahan sosial," katanya.

Selain itu beliau berkata, pihaknya memandag serius tindakan sesetengah pemaju yang membangunkan kawasan lapang untuk kepentingan lain.

"Oleh itu, semua pihak berkuasa negeri sudah pun bersetuju dalam mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan untuk memantau keadaan ini bagi mengelak dari-

pada berulang.

"Kawasan ini akan digazet supaya tidak dimajukan untuk tujuan lain," katanya.

Sementara itu, Ong mengajak orang ramai menyertai kempen menanam pokok di kawasan yang dikenal pasti sesuai sempena Hari Habitat Sedunia Ahad ini bagi menghijaukan negara selaras usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara taman pada 2005.

Usaha itu juga bertujuan memecahkan rekod dunia dengan menanam 100,000 pokok dalam masa seminit. Kerajaan berhasrat untuk menanam 20 juta pokok menjelang 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan kempen itu dengan menanam pokok di taman Bukit Jalil yang akan disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM).